

**'TENTU ADA SESUATU YANG TAK
COCOK DALAM AMALAN'**

PM kesal FELDA masih perlu bantuan

UM - 7 JUL 1989

Oleh
Mohd. Sidek Salleh

GRIK 6 Julai — Datuk Sri Dr. Mahat-
Ghir Mohamad kesal kerana FELDA
yang begitu besar masih memerlukan
bantuan dari kerajaan sedangkan estet
yang lebih kecil bukan sahaja tidak me-
merlukan bantuan malah membayar ha-
sil kepada kerajaan.

Perdana Menteri mahu agensi yang telah memajukan
kira-kira 800,000 hektar tanah di seluruh negara itu
membuat satu kajian terperinci agar ia boleh membawa
hasil yang menguntungkan kepada negara.

Menurutnya, sudah tentu ada sesuatu yang tidak co-
cok dalam amalan perniagaan FELDA hingga menyebab-
kan institusi pembukaan rancangan tanah yang terbesar

di dunia itu masih memerlukan bantuan tiap-tiap tahun
dari kerajaan sedangkan estet - estet kecil masih untung.

Bercakap dalam sidang akhbar di akhir lawatan se-
hariannya ke kawasan Hulu Perak, beliau menegaskan: "Ki-
ta harus ingat bantuan kerajaan bukan duit kerajaan tapi
ia adalah duit rakyat dan rakyat lain juga perlukan bantu-
an tersebut."

Beliau yang telah meninjau projek FELDA Gugusan
Menering dalam lawatannya di sini berkata, FELDA juga
akan mengubah sistem kemasukan pencroka supaya pe-
nyertaan mereka benar-benar menepati istilah peneroka.

"Sekarang FELDA membuat kerja-kerja pembukaan
tanah dan kemudian menghadiahkan kepada peneroka.

"Tindakan seperti ini bukannya peneroka kerana pe-
neroka itu bermakna orang yang meneroka," tegasnya.

Perdana Menteri memberitahu, FELDA merancang
untuk mengubah cara-cara membuka tanah itu supaya
berasaskan aspek pendidikan semangat.

Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib turut hadir
dalam sidang akhbar itu.